

31 JUL 2000

Al-Ma'unah-ISA/I

KUMPULAN ROMPAK SENJATA AKAN DITAHAN MENGIKUT ISA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Kesemua 27 anggota kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata dari dua kem tentera dan membunuh dua orang tebusan mereka awal bulan ini akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dalam kenyataan hari ini berkata oleh kerana itu tindakan mendakwa kumpulan tersebut yang dijadual dilakukan di Mahkamah Majistret di Kuala Kangsar esok, telah ditangguhkan.

"Saya telah dimaklumkan oleh pihak polis mengenai cadangan tindakan mereka untuk menahan penjenayah-penjenayah itu mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh itu demi kepentingan keselamatan negara, saya telah memutuskan untuk menangguhkan pendakwaan terhadap mereka untuk sementara waktu," kata Mohtar.

ISA membolehkan penahanan seseorang tanpa perbicaraan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai memberitahu pemberita terdahulu hari ini bahawa 27 anggota kumpulan Al-Ma'unah itu akan didakwa di mahkamah esok.

Mereka telah dikenakan tahanan reman sejak menyerah diri kepada pasukan keselamatan selepas berkubu selama lima hari di Sauk, Perak ekoran kejadian rompakan senjata di Gerik pada 2 Julai.

Mahkamah telah mengeluarkan perintah reman terhadap mereka selama dua minggu dari 7 Julai. Pada 19 Julai, mereka ditahan reman bagi kali kedua selama dua minggu lagi, dan perintah reman itu akan tamat esok.

Mohtar berkata kenyataannya itu bertujuan memberi penjelasan mengenai status siasatan berkaitan dengan penangkapan anggota kumpulan itu.

Beliau berkata penyiasatan jenayah mengenai kes itu sudah selesai dan pihak polis sudah menyerahkan laporan siasatannya.

"Saya berpuas hati bahawa polis telah menjalankan siasatan yang rapi. Saya sebagai pendakwa raya, bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan saya telah menjalankan kajian yang terperinci terhadap laporan siasatan itu.

"Saya berpuas hati bahawa terdapat bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab itu mengikut undang-undang yang berkaitan," katanya.

Lima belas anggota kumpulan itu dilaporkan telah melakukan rompakan senjata pada awal pagi itu di dua kem tentera di Gerik dan melarikan lebih 100 raifel M16 dan Steyr serta beribu-ribu peluru.

Mereka kemudian menyertai 13 lagi anggota kumpulan itu dan berkubu di sebuah dusun di Bukit Jenalek, Sauk, dan menahan empat orang sebagai tebusan.

Selepas lima hari dikepung oleh kira-kira 2,000 anggota pasukan keselamatan yang terdiri daripada polis dan tentera, 27 anggota kumpulan itu menyerah diri pada 6 Julai.

Bagaimanapun sebelum itu mereka telah membunuh dua daripada tebusan mereka, seorang anggota polis dan seorang anggota tentera, manakala seorang anggota kumpulan itu terbunuh semasa tembak-menembak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kumpulan Al-Ma'unah telah tindakan mereka itu dengan tujuan menggulingkan kerajaan secara kekerasan dan menubuhkan sebuah negara Islam mengikut tafsiran mereka di Malaysia.

-- BERNAMA

AU AU RYN NMO